*Jawab* **semua** *soalan.*

## 5.1 Pengangkutan Darat di Malaysia

Buku Teks: m.s. 72 – 75

PLUS

1. Rajah di atas merujuk kepada badan yang menguruskan penyelenggaraan lebuh raya di Semenanjung Malaysia.

   (a) Nyatakan lebuh raya lain yang terdapat di Malaysia. TP 1

   - Lebuh raya Persekutuan
   - Lebuhraya Pantai Timur
   - Lebuhraya Timur-Barat
   - Lebuhraya Kuala-Lumpur Karak
   - Lebuhraya Tun Razak
   - Lebuhraya Pan Borneo

   (b) Apakah jenis jalan yang terdapat di negara kita? TP 1

   - Jalan raya persekutuan
   - Jalan bandaran
   - Jalan berturap
   - Jalan tak berturap

   (c) Pada pendapat anda, mengapakah pembinaan lebuh raya lebih tertumpu di kawasan pantai barat? TP 2

   Pembinaan lebuh raya lebih tertumpu di kawasan pantai ______ kerana bentuk muka buminya yang bertanah ______ sesuai untuk pembinaan jaringan pengangkutan. Kawasan tanah pamah tidak melibatkan kos yang tinggi untuk pembinaan jaringan pengangkutan. Selain itu, aktiviti ______ banyak dijalankan di kawasan pantai barat.

   rata | ekonomi | barat

CamScanner
LIVEWORKSHEETS

## 5.2 Pengangkutan Udara dan Air di Malaysia

**Buku Teks: m.s. 76 – 79**

Bab 5

**2.** Isi tempat kosong dengan jawapan yang betul. TP 1

(a) Pelabuhan yang mendapat pengiktirafan dari *Global Ports Forum* ialah pelabuhan ______________________.

(b) Pelabuhan kontena di Sabah ialah pelabuhan ______________________.

(c) Perkhidmatan feri dan marina terdapat di pelabuhan ______________________.

(d) Pemunggahan, penyimpanan dan penyerahan bagi barang-barang kering dalam kuantiti yang banyak dipanggil ______________________.

(e) Pembinaan lebuh raya antara Seremban dan Kuala Lumpur telah membangunkan kawasan ______________________.

## 5.3 Pengangkutan Awam di Malaysia

**Buku Teks: m.s. 80**

Pengangkutan awam di Malaysia masih di tahap memuaskan dan perlu diperbaiki lagi.

**3.** Kemukakan pendapat anda berdasarkan pernyataan di atas. Jelaskan langkah-langkah yang boleh dilakukan bagi menjadikan pengangkutan awam di Malaysia sebagai nadi pengangkutan yang utama. TP 5 KBAT Menilai

Pengangkutan awam di Malaysia amat penting terutamanya bagi penduduk yang tinggal di bandar dan tidak mampu untuk membeli kenderaan sendiri. Antara langkah yang boleh dilakukan untuk meningkatkan perkhidmatan pengangkutan awam adalah menambah ______ dalam pengangkutan awam seperti meletak penghawa dingin di dalam bas. Selain itu, ______ perkhidmatan awam juga perlu ditingkatkan. Contohnya perkhidmatan rel bersepadu seperti MRT and KTM Antarabandar dijalankan 2 minit sekali. ______ penumpang juga perlu diambil kira. Contohnya mewujudkan gerabak khas untuk wanita dan kanak-kanak. Ini bagi menjamin keselamatan penumpang tersebut. Penggunaan teksi juga ditambah baik dengan menggunakan meter bagi menentukan tambang sesuatu perjalanan.

kekerapan | keselamatan | keselesaan

CamScanner
LIVEWORKSHEETS

## 5.4 Faktor-faktor yang Mempengaruhi Jaringan Pengangkutan di Malaysia

Buku Teks: m.s. 81 – 82

4. Faktor bentuk muka bumi mempengaruhi pembinaan jaringan pengangkutan di Malaysia. Jelaskan. TP 2

Faktor bentuk muka mempengaruhi pembinaan jaringan pengangkutan di Malaysia. Kawasan tanah ______ dan lembangan sungai memerlukan kos yang tinggi untuk membina jaringan pengangkutan di kawasan tersebut. Contohnya Cameron Highlands, kos yang tinggi diperlukan kerana bentuk muka buminya tanah tinggi. Lembangan sungai juga memerlukan kos yang tinggi kerana perlu ditambak dan ______ perlu dibina. Jaringan pengangkutan di kawasan tanah ______ paling banyak dibangunkan kerana tanahnya rata. Pinggir laut pula dijadikan sebagai ______ kerana mempunyai kawasan teluk yang dalam

pelabuhan    pamah    tinggi

Soalan 5 berdasarkan peta yang menunjukkan jaringan pengangkutan darat di Malaysia.




Bab 5

5. (a) Apakah tujuan pembinaan lebuh raya? TP 3

Lebuh raya dibina untuk ______ dan memudahkan ______

perjalanan    mempercepat

CamScanner
LIVEWORKSHEETS

(b) Nyatakan kepentingan pengangkutan darat kepada penduduk Malaysia. TP 4 KBAT Menganalisis

Antara kepentingan pengangkut darat ialah masa perjalanan, silaturahim, meningkatkan penduduk serta memberi peluang kepada penduduk luar bandar membangunkan Industri Kecil Sederhana (IKS) contohnya industri makanan dan kraf tangan.

ekonomi mengeratkan mempercepatkan

(c) Bagaimanakah pengangkutan di Malaysia dapat ditingkatkan bagi memacu pembangunan negara yang lebih pesat? TP 5 KBAT Menilai

Pengangkutan di Malaysia dapat dipertingkatkan lagi dengan jalan-jalan yang rosak dan berlubang, tingkatkan jalan raya dan menambahkan kemudahan pengangkutan

awam berturap baiki

## 5.5 Kepentingan Pengangkutan Darat, Udara dan Air di Malaysia

Buku Teks: m.s. 83 – 84

Bab 5

Soalan 6 berdasarkan peta yang menunjukkan taburan lapangan terbang di Malaysia.






TP4 Menguasai Belum menguasai TP5 Menguasai Belum menguasai

CamScanner
LIVEWORKSHEETS

04
6. (a) Nyatakan kepentingan lapangan terbang kepada pembangunan negara. TP4
KBAT Menganalisis

Lapangan terbang penting kepada pembangunan negara. Lapangan terbang sangat penting bagi memastikan kelancaran pergerakan bagi sesebuah kapal terbang. Lapangan terbang juga menggalakkan integrasi nasional. Ia dapat ______ kawasan Semenanjung Malaysia dengan Sabah dan Sarawak. Darjah ______ juga dapat ditingkatkan, terutama untuk membawa penumpang dan barangan seterusnya menggalakkan industri ______ . Kawasan pedalaman juga dapat terhubung dengan bandar. Selain itu, masa perjalanan juga dapat disingkatkan.

ketersampaian | pelancongan | menghubungkan

04
(b) Jelaskan kepentingan pengangkutan udara kepada industri pelancongan di Malaysia. TP4
KBAT Menganalisis

Pengangkutan udara amat penting kepada industri pelancongan di Malaysia. Ia dapat meningkatkan darjah ______ dan meningkatkan pendapatan dalam industri pelancongan. Malaysia mempunyai beberapa lapangan terbang utama seperti Lapangan Terbang Antarabangsa **Kuala Lumpur**,Lapangan Terbang Antarabangsa **Pulau Pinang** dan Lapangan Terbang Antarabangsa **Kuching**. Lapangan terbang ______ destinasi dalam dan luar negara. Antara pelancong asing yang gemar datang ke Malaysia ialah pelancong dari Eropah dan Jepun. Antara tarikan pelancong ke Malaysia adalah kerana ingin merasai ______ budaya dan cuaca di Malaysia.

menghubungkan | kelainan | ketersampaian

05
7. Jelaskan kepentingan Sentral Kuala Lumpur kepada penduduk. TP4 KBAT Menganalisis

Sentral Kuala Lumpur amat penting kepada penduduk di Kuala Lumpur kerana ia menyediakan jaringan pengangkutan rel secara ______ . Antara pengangkutan yang ada ialah monorel, KTM Komuter, KTM Antarabandar, Transit Aliran Ringan (LRT) dan KLIA Express. Ia diwujudkan untuk memudahkan penduduk bergerak ke destinasi yang ingin dituju. Rel bersepadu ini menjadi pilihan penduduk kerana dapat mengurangkan ______ lalu lintas serta ______ kos pengangkutan penduduk kerana tambangnya yang berpatutan. Selain itu, pengangkutan rel juga dapat memajukan industri pelacongan dan juga memberi banyak peluang pekerjaan. Rel bersepadu ini juga dapat meningkatkan darjah ______ kerana menghubungkan sesuatu kawasan dengan mudah dan cepat. Akhir sekali, rel bersepadu ini boelh mengurangkan ______ udara kerana tiada asap yang dilepaskan.

menjimatkan | pencemaran | menyeluruh | ketersampaian | kesesakan

CamScanner
LIVEWORKSHEETS

## 5.6 Kepentingan Pengangkutan Awam di Malaysia

Buku Teks: m.s. 85

Pengangkutan awam di Malaysia masih belum bertaraf antarabangsa.

06

8. Berdasarkan pernyataan di atas, jelaskan langkah-langkah yang boleh dilakukan untuk meningkatkan kualiti perkhidmatan awam di Malaysia. TP5 KBAT Menilai

Antara langkah-langkah yang boleh dilakukan untuk meningkatkan kualiti perkhidmatan awam ialah dengan ______ MRT pada 2017. Ini menunjukkan kerajaan amat prihatin dalam meningkatkan kualiti perkhidmatan awam di Malaysia. Selain itu, rangakaian perkhidmatan awam perlu ______ ke kawasan luar bandar agar penduduknya dapat menikmati perkhidmatan itu. Contohnya, perkhidmatan awam bas perlu memasuki kawasan kampung bagi memudahkan pergerakan penduduk luar bandar, terutama untuk ke tempat kerja. Kekerapan bas perlu di tambah dari masa ke semasa serta ______ penumpang juga haruslah diutamakan.

diperluaskan keselesaan pembinaan

Bab 5

## 5.7 Amalan Pengangkutan Lestari

Buku Teks: m.s. 86 – 87

07

9. Salah satu kepentingan pengangkutan lestari ialah meminimumkan kemusnahan flora dan fauna. Huraikan bagaimana amalan pengangkutan lestari dapat direalisasikan dalam kehidupan masyarakat. TP6 KBAT Mencipta

Terdapat beberapa amalan pengangkutan lestari dapat direalisasikan dalam kehidupan masyarakat. Antaranya ialah menggunakan kereta ______ dan kereta hibrid serta penggunaan gas asli (NGV) untuk menggantikan petrol bagi kenderaan. Selain itu, pengangkutan lestari dapat dilestarikan dengan penggunaan kenderaan solar, iaitu kenderaan yang menggunakan cahaya ______ sebagai sumber untuk bergerak.

Para pengguna mestilah bijak memilih jenis petrol berkualiti yang mengurangkan pembebasan ______ ke udara supaya dapat mengurangkan pencemaran alam sekitar.

Di samping itu amalan ______ kenderaan untuk ke tempat kerja dan ke kolej boleh mengurangkan kenderaan di jalan raya. Pengguna juga boleh menggunakan pengangkutan awam untuk ke mana saja seperti menggunakan bas dan teksi.

asap elektrik berkongsi matahari

*Jawab semua soalan.*

1. (a) Nyatakan kepentingan Pelabuhan Klang di Malaysia. 06
(b) Mengapakah teknologi penting dalam memperkembangkan pengangkutan di Malaysia? 07

CamScanner
LIVEWORKSHEETS

a) Nyatakan kepentingan Pelabuhan Klang di Malaysia.

**Pelabuhan Klang** ialah antara pelabuhan utama di Malaysia. Ia merupakan ______ Muatan Negara untuk kontena. Pelabuhan Kelang juga pintu masuk ______ utama di pantai barat Semenanjung Malaysia. Selain itu, Pelabuhan Kelang dapat ______ perdagangan antarabangsa di Malaysia.

kargo | Pusat | meningkatkan

b) Mengapa teknologi penting dalam memperkembangkan pengangkutan di Malaysia.

Teknologi adalah penting dalam memperkembangkan pengangkutan di Malaysia supaya negara kita setanding dengan negara maju sesuai dengan matlamat Malaysia ______ ke arah negara maju. Selain itu, ia boleh meningkatkan darjah ______ . Perkembangan pengangkutan perlu seiring dengan arus ______ . Malaysia juga dalam usaha meningkatkan kemajuan pengangkutan dengan membina rel bersepadu berkembar menghubungkan Kuala Lumpur Central ke Padang Besar.

ketersampaian | permodenan | menuju

LIVEWORKSHEETS